

Sesi Pertemuan

Faizal Farouk

Sudah tiba masanya. Detik inilah yang dinanti-nantikan oleh mereka. Setelah penat bertugas selama setengah tahun, rasanya mereka sudah lebih daripada layak untuk menghadiri sesi pertemuan yang penting ini. Maklum saja, enam bulan itu panjang jangka waktunya. Dua kali dalam setahun mereka pasti akan berjumpa.

Enam bulan boleh memutihkan beberapa helai rambut. Enam bulan boleh melahirkan satu lagi kerutan pada dahi. Enam bulan boleh melebatkan lagi janggut dan dalam enam bulan juga banyak perkara yang boleh berubah. Mungkin bab ini, enam bulan terlalu singkat untuk perkara yang sudah terjadi. Dalam enam bulan ini, sahabat mereka telah melakukan sesuatu. Terlalu berat perkara itu. Sebab itulah sesi pertemuan kali ini amat berlainan sekali. Berlainan sekali dibandingkan dengan perjumpaan-perjumpaan sebelum ini. Ada sesuatu yang telah berubah dan perkara itu juga mengubah segala-galanya mengenai salah seorang saudara mereka.

Satu persatu mereka datang. Orang yang terawal datang ialah Along. Memandangkan dia seorang pegawai eksekutif sebuah pejabat pemerintah, maka tidak hairanlah jika dia datang sepuluh minit lebih awal. Apabila dia sedar dialah orang yang pertama tiba di situ, dia mula mundur-mandir sambil asyik melihat jam Rolexnya. Wajahnya kelihatan serius.

Tiga minit kemudian, Angah pun tiba. Dia kelihatan segak dengan pakaian seragamnya. Boleh dikatakan, sejak menyandang pangkat inspektor tiga tahun dahulu, dia sering berpakaian seragam ke mana sahaja dia pergi, termasuk ke majlis-majlis perkahwinan, ke pusat-pusat beli-belah. Ke mana sahaja. Bahkan, dia mengenakan pakaian seragam itu juga setiap bulan apabila dia menziarahi ibu bapanya. Kerjanya pula asyik menggilap paku-paku yang berketak-ketak di bahu. Ketika berjalan menghampiri Along, wajahnya juga kelihatan serius.

Belum pun sempat Along dan Angah memulakan perbualan, Acik sampai. Keretanya yang berwarna hitam itu menjalar berhampiran dengan mereka. Setelah berhenti, pemandunya bergegas keluar lalu membuka

pintu kereta itu. Kelihatan seorang lelaki yang berbadan gempal, berkumis dan berambut tebal, dan berkaca mata gelap, keluar sambil memegang sebatang tongkat bertahita permata pada hulunya yang mahal harganya. Pemandunya menutup pintu kereta lantas memecut pergi. Acik meneliti suasana sekeliling.

Sebagai seorang Datuk Bandar, dia sudah biasa begitu. Apa saja yang ada di depannya, pasti akan ditelaah; dinilai sama ada benda itu perlu diganti ataupun tidak. Apa sahaja yang dilihatnya. Termasuk tiang-tiang lampu, pokok-pokok di tepi jalan, bangku-bangku di perhentian bas dan juga tong-tong sampah. Tetapi selalunya ia tinggal sekadar lihat-lihat sahaja. Tiada yang bertukar. Semua masih boleh digunakan, menurutnya. Pernah sekali dia menyambut seorang tetamu dari luar negara dan penelitiannya yang pertama ialah seluar tetamu itu sudah usang dan perlu diganti. Namun, penelitian itu tidak disuarakan. Tetamunya ditinggal dengan penuh persoalan.

Dia pergi menuju ke arah Along dan Angah yang sedang berdiri. Wajahnya kelihatan serius.

“Sudah lama sampai? Busu mana? tanya Acik.

“Tidaklah lama sangat.” Along jawab tanpa senyuman.

“Aku ingat Busu dengan kau?” Sambung Angah.

“Aku hadiri mesyuarat tadi, mana sempat untuk jemput dia.”

“Kita tunggu saja dia. Kita bertemu ini memang hendak tahu perkembangan dia.”

“Kita tunggu saja dia di dalam.”

Belum selangkah mereka bergerak, Busu berteriak dari belakang. Nafasnya tercungap-cungap. Lelaki yang berbadan kurus itu mengeluarkan kertas tisu dari kocek kirinya dan mengelap dahinya. Kemudian dia mengeluarkan sehelai lagi tisu lalu mengelap lehernya. Sejurus itu dia mengeluarkan sehelai lagi lantas mengelap hidungnya. Aksinya diperhatikan saja oleh Along, Angah dan Acik.

“Singgah rumah tumpangan tadi. Jenguk pekerja semua datang atau tidak. Saya tidak lewat, bukan. Mari bergerak.”

Mereka pun berjalan masuk ke perkampungan rumah setingan itu dengan perlahan-lahan melewati lorong-lorong gelap yang bersimpang-siur. Akhirnya, mereka tiba di hadapan sebuah rumah kecil. Along membuka pintu rumah itu. Rumah yang tidak berbilik itu tidak mempunyai dapur, stor, kamar mandi atau sebagainya. Hanya sebuah meja di tengah-tengah dewan dan empat buah kerusi yang mengelilinginya. Tembok rumah itu pula sudah dilapik dengan dinding kalis bunyi supaya sebarang bunyi tidak kebocoran ke luar rumah itu. Angah, Acik dan Busu duduk di tempat kegemaran masing-masing. Along mengunci pintu lalu duduk menghadap mereka. Wajah mereka masih kelihatan serius.

“Enam bulan ni, banyak yang aku dengar mengenai engkau, Busu.”

“Wah, lama tidak berjumpa tetapi macam-macam cerita pula mengenai aku? ”

“Mestilah Busu. Kau sibuk sepanjang masa. Asyik melayan kawan-kawan baharu kau. Mana hendak ambil tahu mengenai kita, hendak telefon jauh sekali. Whatsapp pun tidak. Maklumlah sudah ada teman-teman baharu.”

“Faham-fahamlah, kata teman baharu. Mestilah selalu melayan dan rapat dengan mereka. Betul?” tersenyum lebar Busu.

“Begitukah caranya?” sindir Angah.

“Sibuk benar sampai teman-teman baharu ajak ke tempat-tempat yang tidak senonoh pun kau ikut? Along mula kelihatan agak tegang.

“Tindak-tanduk kamu sudah melampau, Busu!” Berkerut dahi Busu. Dia memang takut jika Along marah atau meradang.

“Baik kau berterus terang kepada kami!” Terpaan Acik pula kali ini.

“Salahkah kalau aku ingin menolong?” Busu bersuara sambil melihat ke lantai.

“Memang tidak salah. Kalau hendak menolong, hendak berbakti memang baik dan digalakkan. Tetapi yang aku hairan, kenapa sampai kau sibuk setiap sampai masuk ke kelab-kelab malam itu pula. Hujung minggu seolah-olah kau tiada rumah dan tidak pulang selagi matahari tidak timbul. Tempat sebegitu penuh dengan pelbagai gejala negatif dan tidak sihat, Busu!”

“Main muzik pun salah?”

“Main muzik di kelab malam yang sering berlaku pergaduhan dan kekacauan itu tidak salah kau kata? Kau ini sudah kenapa, Busu?”

“Tidak ada tempat lain yang kau hendak hulurkan bantuan?” Giliran Angah pula memisit.

Busu meletakkan barang-barangnya di atas meja. Seperti seorang banduan yang tahu dia akan disoal siasat. Semua yang berada di situ sudah mula hilang sabar.

“Lihat sini, Busu. Ada banyak badan kebajikan Islam yang perlukan pertolongan. Di masjid-masjid, ramai pemuda dan remaja yang perlukan bantuan jika kau ingin mengajar muzik atau ingin menjadi tenaga sukarela.”

“Masjid ada! Pertapis ada! Darul Ehsan atau Lilbanat ada. Yang memusykilkan aku ialah kenapa kau pilih tempat yang ditegah kita mendekatinya? Siapa yang kau bantu itu pun aku tidak tahu kerana yang di dalam syurga dunia itu semua, aku pun tidak tahu. Adakah tujuan engkau untuk menjadi seseorang yang suka membantu masyarakat tidak kira tempat dan caranya?” Along berhujah.

“Kalau ada bayaran, kayalah si Busu ni. Patutlah beria-ia sangat menolong,” tambah Angah pula.

“Tidak baik tau Busu kalau tidak ikhlas,” Acik dengan selamba menambah. Busu menyepikan diri ketika disoal bertubi-tubi. Asakan mereka berterusan.

“Salah ke kalau aku hanya ingin membantu?”

“Aduh! Tidak faham-faham lagilah budak ni.” Acik menggaruk kepalanya yang semakin gatal itu.

“Busu, jika selalu terdedah keadaan di tempat-tempat sebegitu dan lambat-laun engkau akan terpengaruh juga dan akan mengikuti semua perbuatan yang dilakukan pengunjung tempat itu,” suara Along dengan nada menurun.

“Perbuatan apa pula ni?” Busu mula bersuara.

“Kau tengoklah, Along. Pandai pula dia nak menepis. Perbuatan apa pula kau tanya?” Acik menambah sambil merenung Busu.

“Maaflah kalau saya kurang faham. Perbuatan apa yang kau maksudkan ni? Adakah kau maksudkan bermain muzik di kelab malam itu salah seratus peratus? Bermain muzik untuk melengkapkan apa yang diperlukan pemuzik muda seperti kumpulan yang Busu bantu ini tidak waras?” Ketawa Busu setelah sekian lama menyepi.

“Kau ketawa?” Angah menjadi semakin hairan.

“Baiklah! Sekarang aku pula hendak tanya satu soalan yang paling penting. Aku nak tahu kau ada atau tidak minum minuman keras atau mengambil bahan-bahan terlarang semasa kau berada di sana? Manalah tau sekarang ini pun kau sudah tidak dapat berfikir dengan waras,” Angah kini menjalankan tugasnya yang sudah biasa dilakukan.

Keadaan di bilik itu sepi. Benar-benar sepi selepas soalan Angah itu. Tiada siapa yang bersuara. Soalan itu seperti merangkumkan perbualan mereka pada hari itu. Soalan yang tidak akan membuatkan mereka membuang masa lagi. Soalan yang melengkapkan segala perbincangan mereka.

“Angah.... mengapa kau tanya aku soalan begini? Busu mengajukan soalannya kepada Angah.

“Betul... kita berpendapat bahawa kau ini sudah melampau batas. Kita takut juga kalau engkau bukan adik kita lagi kerana keluarga kita tidak pernah merosakkan diri dengan benda-benda itu semua,” Angah menjelaskan pendiriannya.

“Baiklah. Kalau kau nak tahu juga. Biar aku pula tanya soalan. Biarlah jawapan aku ini berbentuk soalan. Boleh?” Ketiga-tiga yang bersuara tadi diam.

“Memang aku menolong di kelab malam. Aku ada beberapa orang kenalan yang memerlukan bantuan aku di kelab malam itu. Salahkah kalau aku menyumbangkan tenaga bermain muzik dan bermain gitar bass untuk melengkapkan kumpulan anak muda yang amat memerlukan pertolongan aku? Mengapakah aku? Kerana mereka tahu corak persembahan aku amat sesuai dengan konsep persembahan mereka. Mereka sudah cuba cari ahli gitar bes merata-rata tetapi gagal. Jika mereka tidak menerima kontrak kelab malam itu, sudah pasti mereka akan kekal berada di kolong flat sahaja. Adakah kita hendak mereka jadi belia-belia yang tidak tahu matlamat hidup?”

“Busu, kau seperti tidak mengerti apa yang kami risaukan. Kerisauan kami ada sebabnya dan kali ini tidak lagi dapat kami tampung. Apa yang kau lakukan selama ini tidak menepati harapan kami dan yang paling mendukacitakan ialah harapan ibu bapa kita!” Along menampakkan wajah yang tegas namun ada rasa sendu pada nada suaranya.

“Sekarang, biar aku tanya kau sekali lagi Busu.” Angah melihat tajam pada Busu yang masih melihat lantai simen berwarna kelabu. Lantai itu diselaputi habuk.

“Cuba kau beritahu kami. Pernah atau tidak kau mengamalkan apa yang dilakukan pengunjung kelab malam yang amat terkenal itu. Aku tahu segala bentuk gejala tidak sihat berleluasa di situ,” sambung Angah.

“Jadi, adakah usaha Busu ini tidak boleh dilakukan sama sekali? Apakah pendapat semua?” Busu cuba mendapatkan buah fikiran ketiga-tiga abangnya.

“Pada pendapat kita... Kau sudah banyak membuat salah!”

“Menolong orang dan menjadi sukarelawan, itu bersalah?”

“Tolong boleh. Tetapi pertimbangkanlah pertolongan kau yang tidak berbelah bagi itu kepada tempat-tempat lain seperti badan-badan

kemasyarakatan dan kebajikan yang ada di sini, atau di masjid-masjid juga banyak usaha membantu belia-belia yang memerlukan keprihatinannya kita.”

“Perluah kita hanya membantu golongan yang seagama sahaja?”

“Memang agama kita menggalakkan kita membantu sesiapa sahaja, tidak kira latar belakang mereka. Tapi kami lihat kau sudah agak melampaui batas sehingga melakukan apa yang ditegah agama. Bukankah begitu? Hinggakan Ibu dan Ayah risau dengan kegiatan Busu,” Along mula menurunkan nada marahnya.

“Kau jaga-jaga Busu takut nanti kami tidak akan mengenali diri kau lagi. Aku takut kau akan lupa segalanya dek amalan tidak sihat kau itu,” Acik memberi amaran.

“Busu rasa semua orang sudah salah faham dengan apa yang Busu lakukan selama ini. Busu tidak pernah menyentuh perkara-perkara yang Along, Angah dan Acik sebut tadi. Busu berada di tempat seperti itu kerana bersebab. Membantu belia-belia yang memerlukan panduan. Bukan setakat muzik tetapi Busu memberikan mereka tunjuk ajar yang mereka amat perlukan, Busu kira inilah masanya untuk berhujah untuk menyatakan hasrat hatinya.

“Takkanlah selalu ke kelab malam dan berfoya-foya sambil dikelilingi gadis-gadis cantik itu engkau tidak akan terikut-ikut? Mustahil,” Angah masih belum yakin.

Busu sekadar memandang wajah Angah dan kemudian memandang wajah Along menantikan kata-kata yang mungkin akan menyakitkan hatinya lagi. Dia sedar selama ini apa yang dilakukan sukar difahami orang lain yang tidak faham dunia muzik. Mentelah lagi apa yang dilakukan ini punya matlamat. Matlamat yang sukar diterima akal masyarakat umum.

“Orang-orang Angah ada beritahu yang tempat yang Busu bermain muzik itu ada aktiviti yang meragukan. Kami sedang memantau. Angah terkejut bila mengetahui yang Busu selalu berada di situ. Jadi Busu tidak boleh menyalahkan Angah kerana risau pasal Busu.”

“Busu sekadar pemain muzik, pemuzik pun kena tangkap kalau ada serbuan? Habis tu, semua pemain muzik yang Busu sedang bantu pun kena masuk lokap?”

“Itu yang Angah tidak mahu berlaku kepada Busu. Busu harus faham, pelbagai senario boleh berlaku jika ada serbuan. Takut-takut ada penggunaan senjata, maka tembak-menembak mungkin berlaku,” Angah terus sahaja menjelaskan kedudukan dirinya sebagai orang bertanggungjawab menjaga keamanan negara.

“Lagipun Busu, sepanjang malam Busu duduk bersembang dengan manusia-manusia yang tidak tahu mengenali moral dan tatasusila kehidupan itu sedikit sebanyak akan meresap ke dalam jiwa Busu kelak. Sudah tentu mereka akan cuba mengubah Busu supaya jadi seperti mereka. Apakah Busu tidak takut akan hal ini semua?” berkedut dahi Acik cuba memberi pandangannya.

“Maksud Acik, minum arak? Telan biji? Banyak lagi perkara yang Acik maksudkan itu, semuanya Busu sudah lihat. Lihat sahaja! Namun, Busu ada harga diri. Itu semua ialah satu cubaan yang Busu hadapi setiap hari dan Busu yakin tidak akan terjebak,” Busu cuba mendapatkan keyakinan Acik.

“Baru-baru sahaja itu. Beranilah kau cakap yang kau ini seorang yang kuat imannya. Aku takut kau akan kalah dan kecundang bila setiap hari diasak dan disodorkan dengan keindahan syurga dunia. Tidakkah kau takut itu semua, Busu?” Along mencelah.

“Tidaklah, Along. Jangan risau.”

“Tetapi Along masih tidak faham mengapa tempat itu yang kau jadikan tempat kau jalankan aktiviti kau?” Along masih ingin tahu isi hati Busu.

“Kau masih keras hati, Busu. Maaf cakap, kau tahu yang kami ini selalu memberi jalan kepada kau agar kau dapat apa yang kau mahukan. Dari segi material, silakan. Kami selalu beri laluan agar kau selalu menang. Tapi, itu dahulu bila kita semua masih kanak-kanak. Kini, kita semua sudah berhaluan masing-masing. Kau masih mahukan apa yang kau inginkan sahaja tanpa memikirkan perasaan orang sekeliling termasuk keluarga. Adakah kau terfikir tentang itu semua, Busu?” Angah kelihatan sudah kelihatan hampa dengan pertemuan ini yang disangkakan akan merubah fikiran adiknyanya itu.

Dalam fikiran Busu bermain segala perkara yang pernah dilihatnya berlaku di hadapan matanya. Kehadirannya di tempat itu memang dirasakan seperti menonton wayang yang memaparkan kisah-kisah durjana manusia yang tiada hentinya. Gelagat manusia yang membintangi cerita-cerita yang ditontonnya tidak perlu disediakan sarikata. Semuanya dapat difahami olehnya.

Pernah Busu didatangi seorang wanita yang cuba menggodanya setelah dia tamat bermain muziknya. Wanita yang berpakaian seksi itu bukan hendak menggodanya sahaja tetapi ada muslihat lain yang mujur Busu lebih awal menyedarinya. Wanita itu adalah salah seorang ahli kumpulan gelap yang sedang mencari 'keldai' untuk membawa 'bekalan' mereka. Mujur Busu dapat mengelak daripada menjadi terlalu rapat dengan wanita itu dengan memberikan pelbagai alasan untuk menjauhkan dirinya.

"Busu, kau dengar atau tidak apa yang kita cakap?" Tersentak Busu daripada lamunannya bila Acik meninggikan suaranya.

Untuk berlaku adil dan menghormati ketiga-tiga abangnya, Busu mengambil jalan tengah. Busu tidak mahu meninggalkan kumpulan pemuzik yang sedang dipimpinya itu. Bukan sekadar memimpin mereka bermain muzik tetapi memberikan tunjuk ajar yang amat diperlukan bagi mengharungi cubaan demi cubaan di tempat bertugas yang bakal menentukan nasib hari muka mereka. Mereka bergantung kepada pengenalan pertama dalam khalayak dan inilah satu cara batu loncatan yang mereka tidak mahu ketinggalan. Meskipun telah mencuba cara lain yang lebih diterima masyarakat, mereka juga terpaksa menerima tawaran daripada kelab malam atas dasar penakatan mereka. Busu sanjung tekad mereka dan sebab itu Busu juga membantu dengan memberi sumbangan tenaga dan masa. Kini, Busu rasakan keluarganya akan berpecah sekiranya dia tidak berjaya menanganinya dengan sebijak-bijaknya.

"Kalau Busu sudah pun pasti tiada jalan lain untuk mengubah hala tuju Busu, dan kami ini tiada hak untuk menyuarakan pandangan, kami rasa cukuplah pertemuan kita kali ini. Busu pilihlah jalan Busu tanpa menghiraukan pandangan kami ini," Angah sudah pun menunjukkan rasa hampanya.

"Acik, Angah dan Along. Busu cuma hendak beritahu yang Busu memilih untuk membantu pemain muzik itu kerana bersebab. Acik, Angah dan

Along tidak bertanya siapa sebenarnya mereka yang Busu bantu. Memang Busu boleh bantu orang lain. Memang Busu boleh pergi ke tempat-tempat kebajikan atau badan-badan amal. Tetapi mengapa Busu memilih mereka? Tiada siapa yang ingin ambil tahu. Biar Busu berterus terang sekarang.” Busu menghela nafas panjang dan menyambung untuk meluahkan segala isi hatinya.

“Busu ingin membina kehidupan mereka yang telah Busu hampir musnahkan dahulu.” Busu pasti itulah masanya untuk memberitahu kepada abang-abangnya.

“Dua orang ahli kumpulan yang Busu bantu ini ialah adik-beradik yang kehilangan ibu dan ayah mereka. Busu yang menyebabkan mereka menjadi anak yatim. Busu tersilap menyuruh bapa mereka memandu pada waktu malam untuk menghantar alat-alat muzik ke sebuah hotel yang terletak di kawasan yang berliku-liku jalannya. Bapa mereka meminta isterinya menemaninya untuk ke sana. Busu tidak halang mereka berdua pergi asalkan barang-barang Busu sampai. Mereka tidak sempat sampai ke tempat tujuan. Kenderaan mereka ditemui esoknya jauh di bawah gaung yang dalam. Busu kesal. Anak-anak mereka Busu jaga dan mereka punya bakat, jadi Busu galakkan mereka bermain muzik. Busu mahu mereka berjaya dan Busu pimpin kumpulan mereka agar berani menempuh dugaan demi dugaan termasuk bertugas di tempat yang kita hendak elakkan ini.” Busu menarik nafas panjang setelah berjaya menuturkan penjelasan ini.

Along, Angah, Acik dan Busu terdiam buat seketika. Along tersenyum. Angah tersenyum. Acik juga mengukirkan senyuman. Tanda mereka puas hati dengan sesi pertemuan pada hari itu.

Perbendaharaan Kata

- bertepek-tepek - benda yang ditempel atau dilekatkan dengan banyak
- bertubi-tubi - berulang-ulang
- disodorkan - disorongkan ke depan, dianjurkan
- ditegah - dilarang, tidak dibenarkan
- layak - padan, patut, sesuai
- memisit - menyoal dengan teliti
- menyangang - menjawat sesuatu pekerjaan
- mundur-mandir - bergerak ke hulu dan ke hilir
- singgah - berhenti sebentar di suatu tempat
- terpaan - serbuan

